

22/09/1998

Rakyat usah ikuti pegangan taklid buta

Ahmad Zabidy Ab Hadi

KETIKA 16 tahun dalam Umno dan anggota Kabinet mungkin tidak sekuat dan seagresif kini. Nilai berbelas tahun itu mungkin belum boleh dikatakan kerja, pengorbanan, tanggungjawab dan matlamat baginya. Agaknya sifat antipemerintah telah lama wujud di diari era Umno dan di dalam kerajaan lagi.

Ingin menjadi ketua, malah ketua negara mungkin satu-satunya objektif yang tidak boleh diusik-usik atau agak-agak dalam agendanya selama ini. Tatkala apabila tarikh 'kiamat' Anwar Ibrahim tiba, batin dan jiwanya hancur berkecai bak batu dibakar dinamit negeri perang habis-habisan disusun begitu kemas. Sebanyak 1001 taktik dipertaruhkan. Laungan di mana-mana. Mungkin tiada masa baginya untuk menenangkan fikiran. Berehat atau sembahyang Tahajjud dan berfikir panjang. Apakah tugas seorang Islam terhadap Tuhannya di tempat orang seperti beliau?

Sebenarnya Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak patut mengambil atau memaksa rakyat umumnya untuk mengambil tempat membantu membela dirinya. Bagi dirinya ia semestinya tahu apa telah berlaku ke atas dirinya jadi orang kedua atau orang lain semestinya juga belum sah bagi mereka. Adakah adil fakta yang belum sah diberi tempat yang sama dengan yang benar?

Dalam konteks Anwar sekarang ialah beliau mencuba habis-habisan 'mensejahterakan' perkara yang belum tentu akan sah dan sah di sisi undang-undang. Hanya undang-undang dan proses perbicaraan di mahkamah sajalah paling patut dihormati dan mempunyai tempat paling sah dan berdaulat. Ramai berkata mahkamah tidak adil dan betul. Kenyataan sebegitu hanya mengikut emosi dan membawa bukti dengan mendakwa dirinya seorang yang betul. Fikirannya saja yang betul. Seorang saja. Adakah semua proses keadilan dibuktikan dengan satu fikiran saja? Betulkah proses perbicaraan di mahkamah hanya dengan satu fikiran saja? Berfikirilah dua, tiga dan setingginya.

Kita tidak nafikan mungkin ramai di belakang Anwar apabila beliau mengadakan ceramah atau sesi penerangan peribadinya. Jumlah atau ukuran audien tidak boleh dilambangkan sebagai berjaya. Kejayaan hanya dapat dicapai melalui jasa-jasa kita, terhadap masyarakat seperti menolong kesusahan rakyat, mencari sumber pekerjaan, membangunkan moral dan material yang sah, memberi rangsangan dan semangat, menjaga keharmonian negara dan bangsa-bangsa di dalamnya, membantu kerajaan dalam perkara yang baik untuk semua orang dan seterusnya.

Apakah kita boleh nampak apabila Anwar membuat 'reformasi' cuba mempertahankan kegilaan pangkat atau kuasa peneraju negara bermati-matiannya? Beliau pula cuba mencabar Perdana Menteri supaya meletak jawatan dan beliau ingin 'duduk' di takhta itu dengan hanya mengurus misai dan janggutnya.

Perkataan yang menyuruh Perdana Menteri meletak jawatan samalah dengan kata-kata sesetengah pemimpin Amerika yang musuhnya adalah orang-orang Islam. Pemimpin Barat mencuba siang dan malam untuk menjatuhkan pemimpin dan negara Islam agak luput di dunia ini.

Kekuasaan Barat terlalu banyak diratakan dengan bermacam-macam aspek. Politik, ekonomi, pertubuhan, puak dan individu tertentu. Mereka membentuk racun yang berbungkus hidangan paling lazat dan indah yang semua orang terbeliak melihatnya. Pelantikan Anwar sebagai Pengerusi Jawatan Kuasa Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF), rakan akrab Michel Camdessus hanya untuk menyokong kuat dasar faedah tinggi IMF, penganjur sistem ekonomi

Adam Smith (pasaran bebas), mempertahankan dasar politik Washington dan London. Pernah menyelar Saddam Hussein sebagai pengkhianat dan patut digulingkan.

Kesemua kegiatan ini sudah cukup untuk menyatakan seseorang itu adalah pengkhianat bangsa dan orang Islam sejagat. Orang Islam telah lama ditindas oleh sistem kapitalis Barat berorientasikan pasaran bebas dan imperialnya sejak peratus-ratus tahun. Kuasa-kuasa Barat setiap hari mencari helah untuk menghalalkan segala kegiatan zalimnya di bumi merdeka, di banyak negara membangun dan di dunia ketiga. Angkara Barat jugalah orang-orang yang lemah ditindas, dibunuh, dirogol, diseksa dan bermacam kejahatan lagi diteruskan.

Di Kosovo, Albania, Palestin, kita akan tiba atau sudah tiba. Dalam soal inilah kita perlu dinilai. Wajarkah kita memilih pemimpin yang bersekongkol dengan penjahat ini? Mula-mula dengan dasar agama sekitaran, lepas itu sistem ekonominya, hinggalah rakyat menjadi hamba dan seterusnya menderita di tangan syaitan bertopeng manusia ini.

Nilailah seseorang itu melalui fikiran, kajian, ilmu dan paling penting melalui tanggungjawabnya terhadap kita.

Ramai di antara kita suka mengamalkan taklid buta. Mereka gemar menyokong atau membangkang dengan alasan tidak setuju, tidak sebulu atau tidak layak. Ramai yang bersetuju dengan sesuatu perkara atau individu, masa atau alasan berdasarkan emosional dan sentimen. Pegangan ini semua sangat bercanggah dengan semua kegiatan ilmiah. Agama kita melarang keras sifat taksuf pada pemimpin tanpa memastikan.

Sifat membangkang tanpa bukti yang sahih samalah seperti menerima sesuatu perkara tanpa usul periksa. Kedua-dua inilah dipanggil taklid buta.

Rakyat yang mempercayai Anwar dan menyokong beliau adalah berdasarkan taklid buta tadi. Menyokong Anwar kerana ia `Anwar' dan membenci Mahathir kerana beliau pemerintah. Tetapi menyokong Anwar kerana beliau `pembangkang'. Jadi siapa saja memerintah akan dibenci dan siapa juga walaupun hantu pembangkang mesti disokong. Inilah pendirian atau pegangan taklid buta.